AKHBAR : HARIAN METRO **MUKA SURAT : 3**
HARI/TARIKH : 13.01.2014/ ISNIN **RUANGAN : SETEMPAT**

Pesakit berjalan tanpa sedar mati terjatuh tingkat tujuh

Ipoh: Seorang pesakit yang sering berjalan dalam keadaan tidak sedarkan diri ditemui mati selepas terjatuh dari tingkat tujuh Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 7.15 pagi, mangsa Richard Nilliah dari Taman Silibin dekat sini, ditemui orang ramai dalam keadaan berlumuran darah di lantai tingkat bawah HRPB.

Ketua Polis Daerah Ipoh Asisten Komisioner Sum Chang Keong ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu berkata, siasatan awal mendapati mangsa seorang penagih arak tegar dan menerima rawatan di HRPB, tetapi sering cuba melarikan diri.

"Mangsa diambil ambulans Jumaat lalu dari kawasan tepi jalan Taman Silibin di sini. Dia didapati tidak sedar ketika itu dan selepas menjalani rawatan sering bangun dan berjalan.

> "Mangsa juga cuba melarikan diri dari wad, tetapi datang semula ke HRPB"
> *Sum Chang Keong*

"Mangsa juga cuba melarikan diri dari wad, tetapi datang semula ke HRPB," katanya.

Beliau berkata, pihak hospital turut mengesahkan si mati penagih arak tegar dan polis tidak menemui sebarang unsur jenayah berhubung kejadian itu.

"Mayat mangsa dihantar ke Unit Forensik HRPB untuk dibedah siasat sebelum dituntut keluarganya," katanya.

AKHBAR : MALAY MAIL **MUKA SURAT : 3**
HARI/TARIKH : 13.01.2014/ ISNIN **RUANGAN : TOP NEWS**

Families upset over surgery delays

NURFARAHIN: Brother's surgery postponed for four days

FAMILY members expressed dissatisfaction with Sungai Buloh Hospital for postponing scheduled surgical operations after a fire on Jan 4, which resulted in the shutting down of 12 of the 22 operating theatres.

Nurfarahin Mohamad Radzi, 24, was disappointed her brother's surgery was rescheduled to a later date.

"My brother was involved in a car accident in Jalan Templer on Dec 20 and had to undergo three operations," she said.

Her brother, who suffered multiple fractures to the skull and facial area, had his final surgery scheduled for Jan 6 but it was postponed by four days.

"It was a bit of a hassle for us as we are from Malacca," she said.

"We just want to bring him back home quickly."

A woman, who declined to be named, said her father's neck surgery, scheduled for Dec 20, had been postponed twice since he was admitted on Dec 17.

"The surgery was first postponed before the fire took place," she said.

"We were not given any reason for the delay.

"Last week, they told us my father would be transferred to a hospital in Ipoh but we are still unsure of the details.

"As long as my father's procedure goes well, I have no complaints.

"However, because of the change of location, I won't not be able to visit him as I can't take time off from work."

Hospital director Dr Khalid Ibrahim said surgical cases transferred out of the hospital were not related to the fire.

"Patients get transferred all the time, as it depends on the medical attention they require," he said.

AKHBAR : BERITA HARIAN **MUKA SURAT : 22**
HARI/TARIKH : 13.01.2014/ ISNIN **RUANGAN : WILAYAH**

4 premis makanan kotor diarah tutup

Alor Gajah: Empat premis makanan di sekitar daerah ini diarah tutup serta-merta oleh Jabatan Kesihatan Melaka selepas didapati kotor dan tidak menepati piawaian kebersihan yang ditetapkan.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Teoh Siang Chin, berkata dalam Ops Premis Makanan Bersih terbabit, pihaknya menemui tahi cicak pada bekas dan rak simpanan makanan di ruang premis berkenaan.

"Lebih menjijikkan, bahan mentah untuk masakan juga dibiar terdedah dan ditempatkan pula berhampiran dengan tong sampah sehingga ada yang sudah dicemari dengan telur lalat.

"Anggota penguat kuasa yang memeriksa turut mendapati ada pengusaha premis yang meletakkan makanan untuk kucing di tempat sama dengan bahan yang hendak dimasak untuk pelanggan," katanya di sini.

Operasi di beberapa restoran menyediakan masakan ala-Thai di sekitar Pulau Sebang dekat sini, bermula jam 5 petang itu, diketuai Ketua Pegawai Kesihatan Persekitaran jabatan, Dass Kandunni dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

FAKTA NOMBOR

5,959 premis diperiksa

276 premis diarah tutup

Selenggaraan tidak cekap

Dr Siang Chin berkata, ketika operasi berkenaan, premis yang diarah tutup juga didapati tidak diselenggara dengan baik selain cara pengendalian makanan yang boleh mengakibatkan pencemaran.

"Ada antara lantai bahagian dapur premis yang berlendir dan tidak dibersihkan malah peti sejuk beku juga diletakkan dengan pelbagai makanan mentah yang bercampur aduk.

"Kesalahan lain termasuk pekerja premis tidak kemas dan ada yang mendukung anak sambil berniaga selain lesen perniagaan yang sudah tamat tempoh, sekali gus menyalahi Akta Makanan 1983," katanya.

Ab Rahaman (kanan) ***menunjukkan risalah kebersihan makanan kepada pengusaha premis makanan*** *pada sidang media Operasi Pemeriksaan dan Penguatkuasaan Premis Makanan Tidak Bersih di Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM), Ayer Keroh, Melaka.*

(FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO **MUKA SURAT : 25**
HARI/TARIKH : 13.01.2014/ ISNIN **RUANGAN : SETEMPAT**

Telur lalat dalam makanan

Empat premis tak ikut syarat kebersihan diarah tutup

Oleh Arifin Salleh
am@mediaprima.com.my
Alor Gajah

Penemuan telur lalat pada makanan dan najis cicak di meja makan selain tidak menepati syarat ditetapkan terutama tahap kebersihan tidak memuaskan mengakibatkan empat premis makanan di Pulau Sebang di sini, diarah tutup sementara waktu oleh Jabatan Kesihatan negeri, kelmarin.

Operasi Premis Makanan Bersih itu dijalankan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Pejabat Kesihatan Daerah Alor Gajah membabitkan 32 pegawai dan anggota penguat kuasa keselamatan makanan, bermula kira-kira jam 5 petang.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri Datuk Dr Teoh Siang Chin berkata, operasi di tujuh premis makanan itu mendapati ada antaranya gagal menepati syarat tahap kebersihan mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983 selain beberapa faktor lain.

"Pemeriksaan mendapati pengusaha premis mengabaikan faktor kebersihan kerana ada antaranya membiarkan lantai berlendir dan becak, makanan mentah dibiarkan terdedah hingga terdapat telur lalat dan kucing liar berkeliaran di atas meja makan.

"Sehubungan itu, empat premis diarah tutup dan diberi tempoh dua minggu untuk kerja pembersihan. Jika pemeriksaan mendapati masih tidak bersih jabatan akan memberi notis penutupan dua minggu lagi hingga premis berkenaan disahkan bersih," katanya di sini, kelmarin.

Menurutnya, antara faktor penutupan premis termasuk penemuan makanan haiwan peliharaan diletakkan bersama dalam peti sejuk beku bagi menyimpan makanan mentah.

"Terdapat juga pengusaha yang menggunakan lesen tamat tempoh dan menggantung beberapa sangkar burung di premis mereka," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, sepanjang tahun lalu sebanyak 5,959 premis makanan diperiksa sekitar daerah ini dan 279 premis diarah tutup sementara waktu.

Katanya, sebanyak 33 kes dengan jumlah denda RM62,400 dikeluarkan membabitkan kesalahan mengikut Akta Makanan 1983, Peraturan Makanan 1985 dan Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

"Penutupan premis dilakukan berikutan pemeriksaan mendapati suhu peti sejuk melebihi 10 darjah celsius, tempat memasak, singki serta tandas kotor selain peti sejuk beku tidak diselenggara dengan baik," katanya.

FAKTA
Empat premis diberi tempoh dua minggu untuk kerja pembersihan

FOTO: NORZAH BAHARUDIN

ANGGOTA penguat kuasa memeriksa sebuah premis makan dalam Ops Premis Makanan Bersih di sekitar Alor Gajah.

MAKANAN tercemar dan tidak menepati piawaian kebersihan.

AKHBAR : KOSMO **MUKA SURAT : 14**
HARI/TARIKH : 13.01.2014/ ISNIN **RUANGAN : NEGARA**

SEORANG anggota penguat kuasa memeriksa tahap kebersihan dapur sebuah restoran di sekitar Pulau Sebang, Melaka pada Jumaat lalu.

Dapur kotor, empat restoran diarah tutup

ALOR GAJAH – Jabatan Kesihatan negeri mengarahkan empat buah restoran di sekitar Pulau Sebang di sini ditutup serta-merta selepas pemeriksaan yang dijalankan Jumaat lalu mendapati dapur restoran itu terlalu kotor.

Lebih mengejutkan apabila pihak berkuasa juga mendapati, pengusaha premis terbabit menggunakan bahan masakan yang telah tercemar dan tamat tempoh.

Ketua Pegawai Kesihatan Persekitaran negeri, Dass Kandunni berkata, kesemua restoran berkenaan diarah tutup selama dua minggu bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dijalankan.

Menurutnya, siasatan awal percaya bahan masakan di restoran terbabit telah dicemari penyakit bawaan serangga dan haiwan perosak.

"Antara kesalahan lain yang dikesan ialah pekerja tidak mendapat suntikan antiimunisasi tifoid dan peti sejuk beku tidak mengikut piawaian ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas menjalankan operasi pemeriksaan tahap kebersihan restoran di sini baru-baru ini.

Dass memberitahu, pihaknya kesal apabila kebanyakan restoran yang diperiksa hanya bersih di luaran tetapi persekitaran dapur didapati kotor.

Justeru, pihaknya akan menjalankan pemeriksaan selepas dua minggu ke atas kesemua premis terbabit dan jika didapati pemiliknya masih gagal mematuhi arahan, notis penutupan selama dua minggu lagi bakal dikeluarkan.

Tindakan terhadap pengusaha restoran terbabit diambil mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES **MUKA SURAT : 6**
HARI/TARIKH : 13.01.2014/ ISNIN **RUANGAN : NEWS**

More unwed teen pregnancies

WORRYING: A lack of parental guidance is the root of the problem, says doctor

ALIZA SHAH
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE problem of teenagers becoming pregnant out of wedlock has reached worrying levels, with the nation recording 1,048 such cases from January to March last year.

This translates into an average of 12 teen pregnancies a day.

While the figures paint a grim picture, it is even more alarming considering that Malaysia is on track to record its highest number of teen pregnancies in four years.

Statistics by the state Health Department from its Teen Pregnancy Statistics Manual 2012 showed a spike in the number of maternal death among teens, with five cases recorded in the first three months last year, compared with 17 for the whole of 2012.

Data collected from adolescents who sought antenatal care in hospitals showed that 18,847 teen pregnancies were recorded in 2012, of whom 4,183 were unmarried.

Family Health Development division assistant deputy director Dr Nik Rubiah Nik Abdul Rashid said while there were many factors that contributed to unwanted teen pregnancy, lack of parental guidance was identified as the root of the problem.

"Parents are too busy working and fail to supervise their children's social activities.

"As children grow older, parents let their guard down and assume that their kids are independent enough."

Dr Nik Rubiah said communication among family members was crucial and parents should engage their children more to steer them on the right path.

"Parents should pay attention to children's activities; who their friends are and what they do with them."

Dr Nik Rubiah attributed poor knowledge of sexual reproductive health as one of the factors of unplanned pregnancies.

"Teenagers lacked information on sexual education, hence they were ill-equipped with information on how to have safe sex."

Parents, she said, should also be IT-savvy to monitor their children's activity in cyberspace.

"The emergence of new technology has provided a fresh challenge to parents.

"Always be aware of what your children are doing online."

Dr Nik Rubiah said while focusing on risk behaviour was one of the ways to address the problem, it was important to develop a protective environment.

"Teenagers are active and need to channel their energy, but unfortunately, we do not have enough recreational spaces for them."

She also said students with unwanted pregnancies were allowed to quit school before completion.

"This can affect the future of the student and the newborn.

"Students should be encouraged to finish school, or at least be equipped with vocational skills so that they can they can work to earn a living."

Dr Nik Rubiah said society could play a role to help by reducing the social stigma towards unmarried mothers and be more accepting.

"Some teenagers come to the clinics at a late stage.

"This is because they had been deliberating over the next step for a long time.

"There is shame involved.

"They are afraid of what the public might think.

"This can lead to problems such as teens engaging in unsafe abortions or even dumping their newborn."

Dr Nik Rubiah gave her assurance that teenagers who sought treatment in government clinics would have their confidentiality maintained.

"We do not want to scare teenagers. We have implemented a guide for trainers on how to take care of the teenagers' confidentiality without sidelining the law and their parents' right to know."

Teenage pregnancy in Malaysia

INFOGRAPHIC: NST BY AHMAD YUSRI

Year	Married	Unmarried	Total
2010	4,441	1,521	5,962
2011	14,430	4,222	18,652
2012	14,664	4,183	18,847
2013 (Jan - March)	3,075	1,048	4,123

AKHBAR : HARIAN METRO
HARI/TARIKH : 13.01.2014/ ISNIN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : SETEMPAT

MINTA tolong sediakan lagi satu hospital kerajaan di kawasan Puchong.

>>MYMANJA93 [IMB99312]

AKHBAR : HARIAN METRO
HARI/TARIKH : 13.01.2014/ ISNIN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : SETEMPAT

TERIMA kasih atas layanan cemerlang kepada abah oleh kaunter pendaftaran, unit kecemasan dan bahagian 'dressing' pada 18 hingga 26 Disember 2013 di KK Bahau dan unit kecemasan.

>> **IBUWORK** [IMB99309]